

Dana PRU PN sumbangan syarikat perjudian

'Saya tak dedah jika tiada asas'

Anwar pertahan kenyataan, sedia terima 'ugutan' saman daripada Muhyiddin

'Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal mempertahankan kenyataannya bahawa Perikatan Nasional (PN) menerima dana daripada syarikat berkaitan perjudian pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Menegaskan tidak akan membuat pendedahan itu tanpa asas, Perdana Menteri berkata, beliau bersedia jika PN mahu memfailkan saman seperti dinyatakan Pengerusinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin.

"Sila baca kenyataan dengan lengkap dan baru ambil tinda-

kan, tapi kalau dia (Muhyiddin) mahu bawa terus (saman), silakan. Saya tidak akan keluaran kenyataan kalau tidak ada asas," katanya.

Anwar menjelaskan demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) kali ke-40 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, siasatan berkait perkara itu masih dijalankan oleh agensi bertanggungjawab untuk mengumpul bukti sebelum tindakan sesuai diambil.

"Sudah tentu ada banyak agensi (menyiasat). Siasatan ini apabila ada bukti, barulah diambil tindakan, biarlah agensi itu jelaskan," katanya.

Kelmarin, Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU, berkata beliau sedang berbincang dengan peguam mengenai kemungkinan mengambil tindakan undang-undang terhadap Anwar berhubung isu berkenaan.

Ia selepas Menteri di Jabatan



Anwar menerima cenderahati daripada Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Mohd Khair Ngadiron pada Majlis Perasmian PBAKL di WTC KL, semalam. Turut hadir, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek dan Timbalan Menteri Jabatan Publisiti Jawatankuasa Pusat CPC Republik Rakyat China, Zhang Jianchun. (Foto Aizuddin saad/BH)

Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, dalam jawapan di Dewan Rakyat sebelum itu, memaklumkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak dapat membuktikan dakwaan itu.

Azalina kemudian mengeluarkan kenyataan susulan kelmarin, menjelaskan beliau tidak menyatakan siasatan berkait dakwaan PN menerima dana daripada syarikat judi pada PRU15, sudah dihenti atau digugurkan.

Jawapan itu, katanya, hanya memaklumkan tiada fail siasatan dibuka kerana maklumat diperolehi setakat ini bersifat umum, namun memaklumkan ada agensi selain SPRM, termasuk polis serta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bertanggungjawab dan berkuasa untuk menyiasat.

Awal Disember lalu, Anwar

mendedahkan kemungkinan PN memperoleh dana politik daripada syarikat berkaitan perjudian bagi membiayai perbelanjaan pilihan raya, namun Muhyiddin menyifatkan tuduhan itu sangat serius, tidak disokong bukti kukuh dan hanya andaian berdasarkan kempen meluas PN ketika PRU15.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika ditanya kenyataan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang bahawa usaha merealisasikan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (RUU 355) ditentang sebahagian UMNO dan Pakatan Harapan (PH), menyifatkan ia politik murahan.

"Ketika jadi kerajaan, dia lupa. Bila sudah jadi pembangkang, dia bangkit. Itu bukan Islam namanya, itu namanya politik mu-

rahan," katanya.

Mengenai keputusan Kementerian Kewangan (MOF) menubuhkan syarikat bertujuan khas bagi mengambil alih syarikat bertanggungjawab dalam projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS), Anwar berkata, ia bagi menjamin projek yang tergendala itu disiapkan.

"Kenyataan akan dikeluarkan (MOF). Kerajaan ada projek yang mesti diselesaikan termasuk LCS, kita tiada pilihan, sudah belanja RM6 bilion, tak boleh tutup (hentikan projek). Kita kena ambil alih (projek LCS) dan selesaikan," katanya

Pembinaan kapal LCS terpalit kontroversi apabila Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum ini mendedahkan tiada seunit pun disiapkan walaupun kerajaan sudah membelanjakan RM6.083 bilion kepada Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS).